



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGENALAN KEPADA
UNDANG-UNDANG

KOD MATA PELAJARAN : BPE 1242

KURSUS : 1 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGKAMASA : 2 JAM

ARAHAN : BAHAGIAN A
JAWAB **SEMUA** SOALAN

BAHAGIAN B
JAWAB **TIGA (3)** SOALAN
SAHAJA DARIPADA LIMA (5)
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (10 markah)

- S1 En. Sulaiman menjalankan kegiatan penternakan ikan di kolam-kolam yang di buatnya sendiri di atas tanah yang terletak di tebing bukit. Syarikat Perumahan Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang menjalankan kegiatan pembinaan perumahan bersebelahan dengan tanah En. Sulaiman. Syarikat tersebut rancak menjalankan aktiviti pembinaan untuk menyiapkan projek perumahan dan aktiviti pengorekan tanah giat dilakukan. Suatu hari, hujan turun dengan lebatnya menyebabkan tebing tanah di projek perumahan tersebut telah runtuh dan tanah-tanah serta lumpur-lumpur telah mengalir masuk ke dalam kolam-kolam En. Sulaiman. Ikan-ikan dari kolam-kolam tersebut telah mengalir keluar dan bertempiran di kawasan-kawasan perumahan yang ada di lereng-lereng bukit tersebut. Ini menyebabkan En. Sulaiman mengalami kerugian yang besar.

Nasihatkan En. Sulaiman atas haknya untuk mendapat hak pergantungan atas tanah beliau seperti termaktub di dalam Seksyen 44(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965. Jawapan anda hendaklah berasaskan kepada kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah.

(10 markah)

BAHAGIAN B (30 markah)

- S2 Lesen Pendudukan Sementara (“LPS”) atau *Temporary Occupation License*, jelas dari namanya, hanya merupakan satu lesen, iaitu satu keizinan yang bersifat sementara, yang diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri (“PBN”) untuk satu maksud yang tertentu dan terhad. Tanpa lesen tersebut, seseorang yang menduduki tanah itu adalah seorang penceroboh di sisi undang-undang. Hak-hak yang diberi oleh LPS bukan hanya terhad dari segi maksud tetapi juga terhad dari segi masa. Menurut Seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965, PBN boleh mengeluarkan LPS bagi mana-mana tanah negeri, tanah lombong yang buat sementara waktu tidak digunakan bagi maksud perlombongan dan tanah rizab yang buat sementara waktu tidak digunakan untuk tujuan dirizab.

Huraikan kenyataan di atas. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada seksyen-seksyen yang relevan dan kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah.

(10 markah)

- S3 Huraikan kes-kes berikut secara terperinci seperti yang diputuskan oleh Mahkamah berserta dengan seksyen-seksyen yang relevan.

(a) *Garden City Development Bhd. v. Collector of Land Revenue Federal Territory (1982) 2 MLJ 98*; dan

(5 markah)

(b) *Pengarah Tanah & Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprises Sdn. Bhd. (1979) 1MLJ 135*

(5 markah)

- S4 Di bawah undang-undang Inggeris, terdapat dua ujian yang digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu “*catel*” menjadi lekapan, sebagaimana *maxim quic quid plantatur solo, solo credit*. Ujian pertama iaitu ujian darjah aneksasi hanya memberi bukti *prima facie* bahawa sesuatu “*catel*” yang dilekatkan pada tanah menjadi sebahagian dari tanah, justeru adalah lekapan. Manakala ujian kedua iaitu ujian tujuan aneksasi, memberi bukti muktamad bahawa sesuatu “*catel*” itu adalah lekapan.

Huraikan kenyataan di atas berdasarkan kedua-dua ujian penentuan lekapan. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada seksyen-seksyen yang relevan dan kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah.

(10 markah)

- S5 Hakim Raja Azlan Shah di dalam kes *Teh Bee v. K. Marithamuthu (1977) 2 MLJ 7*, telah memutuskan bahawa pendaftaran adalah segala-galanya. Dari itu, seseorang pemilik tanah boleh dinafikan hak pemilikan tanahnya, sekiranya ia gagal untuk mendaftarkan hakmiliknya. Walaubagaimanapun, masih terdapat kesamaran yang kritikal iaitu, sejauh mana prosedur yang digariskan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 itu harus dipatuhi.

Huraikan kenyataan di atas. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada percanggahan keputusan kes-kes di dalam *Teh Bee v. K. Marithamuthu (1977) 2 MLJ 7*, *Pow Hing & Anor v. Registrar Of Tiles, Malacca (1981) 1 MLJ 155* dan *Government of Negeri Sembilan & Anor v. Yap Chong Lan & 12 Ors (1984) 2 MLJ 123*.

(10 markah)

- S6 Akta Undang-undang Sivil 1956 menetapkan bahawa kekosongan dalam undang-undang tempatan hendaklah diisi dengan menggunakan prinsip-prinsip undang-undang Inggeris. Walaubagaimanapun, adaptasi ke atas undang-undang Inggeris itu mestilah bersesuaian dengan kegunaan tempatan dan seterusnya tertakluk kepada seksyen- seksyen 3 dan 5 akta tersebut.

Huraikan kenyataan di atas. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT